

**Orang Ramai Boleh Mengundi Kedai Pilihan Rakyat 1Malaysia  
Bernama  
26 April , 2012**

BANGI, 26 April (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) memberi peluang kepada orang ramai untuk memilih sendiri pilihan Kedai Pilihan Rakyat 1Malaysia.

Menteri berkenaan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata sebelum ini, pencalonan dan pemilihan diputuskan oleh juri yang dilantik kementerian.

"Sebanyak 2,597 premis perniagaan daripada enam kategori utama iaitu barangan pengguna, makanan, ketrampilan, gajet, informasi dan pasar raya terlibat dalam pengundian kali ini mulai hari ini hingga 25 Mei depan.

"Anugerah Kedai Pilihan Rakyat 1Malaysia adalah untuk memastikan kualiti produk dan harga barangan berpatutan dan peniaga sentiasa meningkatkan perkhidmatan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sebelum itu, beliau melancarkan sistem undian awam anugerah Kedai Pilihan Rakyat 1Malaysia di sini hari ini.

Orang ramai boleh melayari laman sesawang [www.1pengguna.com](http://www.1pengguna.com) atau mengundi secara manual menggunakan borang undian yang boleh didapati di Pejabat KPDNKK negeri dan cawangan mulai hari ini sehingga 25 Mei.

Undian terbuka kepada orang awam sama ada dari dalam atau luar negara yang pernah mengunjungi premis yang disenaraikan.

Ismail Sabri berkata semua penerima anugerah ini boleh membawa nama anugerah sampai bila-bila tetapi pihak kementerian tidak akan teragak-agak untuk membatalkan penganugerahan itu sekiranya didapati pemilik premis perniagaan gagal memberi perkhidmatan dan menaikkan harga barangan.

Anugerah Kedai Pilihan Rakyat 1Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Anugerah Kedai Harga Patut diperkenalkan pada tahun 2003 dan pencalonan serta pemilihan dilakukan oleh pihak kementerian.

Kini, selepas penjamaan semula pada 27 Mac lepas, Anugerah Kedai Pilihan Rakyat 1Malaysia memberi perubahan kepada kaedah penilaian dan pemilihan pemenang dengan orang ramai menyumbang kepada 50 peratus daripada jumlah markah penilaian melalui undian kepada premis perniagaan pilihan mereka.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=662083>

